



SIARAN AKHBAR

PENIPUAN MELIBATKAN POWER ROOT

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin, sekali lagi, memaklumkan kepada orang ramai agar berhati-hati apabila menerima Pesanan Ringkas (SMS) atau panggilan telefon dari luar negeri mengenai penipuan yang melibatkan penyalahgunaan nama syarikat pihak Power Root, dan seterusnya, ingin mengingatkan orang ramai untuk hanya menjalankan urusan kewangan atau pelaburan dengan individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD.
2. Jika pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam melibatkan diri dalam skim-skim pelaburan yang tidak dilesenkan oleh AMBD, maka pengguna kewangan tersebut tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD, terutama sekali jika skim pelaburan tersebut beroperasi dari luar negara.
3. AMBD ingin mengingatkan orang ramai dan pengguna kewangan akan pentingnya mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut terlebih dahulu. Orang ramai dan pengguna kewangan patut mengelak daripada memfokuskan kepada pulangan yang ditawarkan sahaja, terutamanya jika pulangan tersebut adalah jauh bezanya daripada pulangan yang biasa ditawarkan oleh individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD. Jika satu tawaran itu rasanya adalah terlalu baik untuk menjadi kenyataan, besar kemungkinan ianya adalah satu penipuan.
4. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2016

Tarikh: 9 Zulkaedah 1437/12 Ogos 2016